

MAHATHIR - SARAWAK

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU BERSETUJU DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN SARAWAK MENGADAKAN +BARISAN NASIONAL + KERAJAAN+ DI NEGERI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KETUA MENTERI SARAWAK DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD MEMBUAT KEPUTUSAN WAJAR MENGADAKAN KERAJAAN CORAK ITU MEMANDANGKAN PARA BEKAS PEMIMPIN SNAP YANG MENUBUHKAN PARTI BANS DAYAK SARAWAK (PBDS) MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG SAMA DENGAN BARISAN NASIONAL.

BELIAU BERKATA DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MENYAKPAIKAN KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI MENGADAKAN +BARISAN NASIONAL + KERAJAAN+ ITU KEPADANYA ISNIN LALU.

+LOGIKNYA BOLEH DITERIMA KERANA MENURUT BELIAU BEKAS PEMIMPIN SNAP ITU MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG SAMA DENGAN PENDIRIAN BARISAN NASIONAL ... JADI SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA MEREKA TIDAK HARUS DITERIMA MENYERTAI KERAJAAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1339/MK

NNNN

ZCZC B561

MAHATHIR - SARAWAK 2 KUALA LUMPUR

KATANYA WALAU PUN KEPUTUSAN ITU BERCANGGAH DENGAN AMALAN BARISAN NASIONAL,+ SAYA TIDAK NAMPAK SEBARANG SEBAB UNTUK TIDAK MENYETUJUI ... KITA MEMIKIRKAN KESTABILAN DI SARAWAK.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA BERSETUJU DENGAN DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BAHAWA KRISIS SNAP HENDAKLAH DIHADKAN KEPADA SARAWAK DAN DISELESAIKAN DI PERINGKAT NEGERI.

BELIAU BAGAIMANA PUN MENJELASKAN PENGEKALAN STATUS QUO BEKAS-BEKAS PEMIMPIN SNAP DALAM +BARISAN NASIONAL + KERAJAAN+ TIDAK BERMAKNA MEREKA SECARA AUTOMATIK DITERIMA MASUK KE DALAM BARISAN NASIONAL.

+MEREKA HENDAKLAH MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MEMASUKI BARISAN NASIONAL DAN KEPUTUSAN PARTI-PARTI KOMPONEN HENDAKLAH SEBULAT SUARA SEBELUM PERMOHONAN ITU DILULUSKAN,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA